



KREW Uniputra Production melakukan penggambaran satu produksi terbitannya.

Uniputra Production bergerak luar kampus

Oleh LUQMAN HAKIM

BERMULA dengan kerja-kerja produksi dan penerbitan dalam kampus seperti majlis konvoesyen, Uniputra Production berkembang mengorak langkah menjadi syarikat penerbitan luar kampus.

Syarikat penerbitan ini diletakkan di bawah Pusat Perniagaan Universiti (UBC) – sayap perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengarahnya, Dr. Naim Ahmad berkata, inisiatif asal penuhannya digerakkan atas kesedaran untuk memanfaatkan kemudahan teknikal dan perkembangan dalam dunia pendidikan serta penyiaran di negara ini.

Menurutnya, ia ditubuhkan selaras dengan misi universiti sebagai pusat pembelajaran dan pengajaran bagi manfaat para pelajar dan tenaga pengajar sendiri menggunakan kaedah audio visual.


Lantaran itu beliau memberitahu, sejak ditubuhkan pada tahun 1997, Uniputra Production telah berkembang daripada penerbitan dalaman kepada syarikat penerbitan yang berdaya saing di luar lingkungan dunia kampus.

"Kita mulakan Uniputra Production dari penggambaran majlis konvoesyen. Dari situ kita dapat jana banyak pengalaman. Pada perkembangan akhir-akhir ini, nama Uniputra sudah dikenali seperti di Finas dan Persatuan Pengeluar Filem."

"Kita sudah mengorak langkah ke peringkat antarabangsa seperti ke Cannes di Perancis, kita ke Hong Kong, menghadiri festival filem di Korea, Thai, Iran dan Uzbekistan sebagai langkah mencari pasaran," jelas beliau.

Menurut Dr. Naim, tujuan produksi itu ditubuhkan bukan untuk menyaangi syarikat penerbitan yang sedia ada di negara ini, sebaliknya mengambil langkah yang lebih inovatif menukar bidang penerbitan lain.

Keluaran Uniputra Production akan mem-



DR. NAIM AHMAD

tari yang mengetengahkan bahan-bahan tempatan untuk pasaran luar negara.

Beliau menambah, UPM sendiri mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang seperti perhutanan dan maritim dengan memanfaatkan hasil-hasil penyelidikan mengenainya untuk diterbitkan sebagai dokumentari.

"Kita ada tanggungjawab mempromosikan Malaysia melalui dokumentari untuk pasaran di luar negara.

"Kenapa tidak kita cuba tembusi pasaran antarabangsa melalui dokumentari tentang masyarakat dan wawasan kita, jangan orang luar yang buat dokumentari mengenai kita," kata beliau.

Dr. Naim memberitahu, antara penerbitan dokumentari yang sedang dalam pembikinan ialah *Dokumentari Malaysiana* sepanjang 13 episod dan *Dokumentari Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) UPM* sebanyak 52 episod.

Sebagai syarikat yang bernaung di bawah universiti (UBC), katanya, Uniputra Production juga mempunyai komitmen dalam bidang pendidikan, pensyarah dan para pelajar.

Sehubungan itu beliau menjelaskan, pihaknya turut berusaha membuat program penerbitan yang dapat membantu program pembelajaran dan pengajaran di dewan-dewan kuliah dan pendidikan jarak jauh.

Menurut Dr. Naim, pihaknya juga akan menerbitkan sebuah filem pendek berjudul *Zaleha Ayam Patah* dengan geran dari Finas berjumlah RM50,000 pada awal tahun depan.

"Skrip filem pendek itu dihasilkan oleh Sharul Azli Mohd. Shukor dan ia pernah memenangi pertandingan menulis skrip anjuran Finas pada tahun 2001.

"Uniputra Production sekarang masih belum digerakkan sepenuhnya dari segi keupayaan dan kami yakin dapat memberikan hasil terbaik untuk kerja-kerja produksi dan penerbi-